



**LEMBAGA PEPERIKSAAN  
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA**

**PENILAIAN MENENGAH RENDAH**

**21/2**

**SEJARAH  
KERJA KURSUS  
Kertas 2  
Februari – Julai**

---

**PANDUAN PELAKSANAAN DAN PENILAIAN KERJA KURSUS**

**SEJARAH**

**KERTAS 2**

**FEBRUARI HINGGA JULAI**

---

---

Panduan Pelaksanaan dan Penilaian Kerja Kursus ini  
mengandungi 28 halaman bercetak.

**KANDUNGAN**

	Halaman
1.0 Pengenalan	3
2.0 Matlamat Kerja Kursus Sejarah	3
3.0 Objektif Mata Pelajaran Sejarah	4
4.0 Objektif Penilaian Kerja Kursus Sejarah	5
5.0 Rasional Penilaian Kerja Kursus Sejarah Berasaskan Elemen, Aspek Dan Kriteria Penskoran	5
6.0 Maklumat Am	6
7.0 Arahan Kepada Calon	7
8.0 Elemen Dan Aspek Yang Dinilai	8
9.0 Sistem Penilaian	9
10.0 Penentuan Skor Elemen	12
11.0 Lampiran	17

## 1.0 PENGENALAN

Panduan ini disediakan untuk memberi maklumat yang terperinci bagi guru mengendalikan pelaksanaan Kerja Kursus Sejarah.

Setiap **calon PMR diwajibkan** melaksanakan Kerja Kursus Sejarah sebagai satu daripada keperluan peperiksaan. Penilaian Kerja Kursus Sejarah dikendalikan oleh pihak sekolah dengan pemantauan pegawai dari Lembaga Peperiksaan (LP).

Proses penilaian akan dilaksanakan oleh guru semasa pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Sejarah. Penilaian adalah berdasarkan elemen mengumpul fakta sejarah, merekod fakta sejarah serta penerapan unsur patriotisme. Pengukuran setiap elemen dilakukan berdasarkan aspek dan kriteria penskoran yang telah ditetapkan bagi menentukan keselarasan penilaian.

Pelaksanaan dan penilaian kerja kursus ini dijalankan oleh calon PMR dari **Februari** hingga **Julai**.

## 2.0 MATLAMAT KERJA KURSUS SEJARAH

Pelaksanaan Kerja Kursus Sejarah bertujuan memenuhi matlamat pendidikan Sejarah yang menyepadukan unsur pengetahuan, kemahiran pemikiran sejarah dan penerapan unsur patriotisme.

Pelaksanaan kerja kursus memberi pengalaman secara langsung kepada calon untuk mengkaji sejarah Malaysia. Melalui pengkajian ini, kemahiran sejarah seperti mencari, mengumpul, mengelas, menganalisis, mentafsir, mensintesis, merumus dan merekod fakta sejarah dapat dinilai. Pengalaman melaksanakan kerja kursus ini dapat membentuk generasi yang peka dan berminat terhadap sejarah serta mengamalkan unsur patriotisme.

### 3.0 OBJEKTIF MATA PELAJARAN SEJARAH

Objektif kurikulum Sejarah membolehkan calon:

- 3.1 menyusur galur sejarah diri dan salasilah keluarga;
- 3.2 menulis dan menghuraikan sejarah perkembangan sekolah;
- 3.3 menyatakan asal usul dan perkembangan masyarakat dan negara;
- 3.4 menyatakan warisan tradisi Kesultanan Melayu Melaka;
- 3.5 menjelaskan sejarah negeri-negeri di Malaysia dari segi bentuk kerajaan, pentadbiran, ekonomi dan sosial;
- 3.6 memiliki perasaan bangga dengan kegemilangan tamadun bangsa dan negara;
- 3.7 menghargai usaha dan sumbangan tokoh-tokoh yang memperjuangkan kedaulatan, kemerdekaan dan pembangunan negara;
- 3.8 mempunyai dan mempertingkatkan semangat patriotik dan bersedia melibatkan diri dalam usaha mempertahankan kedaulatan, pembangunan dan kemajuan negara;
- 3.9 mempertingkatkan daya pemikiran dan kematangan berasaskan iktibar daripada peristiwa sejarah;
- 3.10 menganalisis, merumus dan menilai fakta-fakta sejarah Malaysia dan dunia luar secara rasional.

#### **4.0 OBJEKTIF PENILAIAN KERJA KURSUS SEJARAH**

Objektif penilaian Kerja Kursus Sejarah ialah untuk menilai kebolehan calon:

- 4.1 mencari dan mengumpul fakta sejarah daripada sumber yang sahih;
- 4.2 mengelas, menganalisis, mentafsir, mensintesis dan merumus fakta sejarah secara rasional;
- 4.3 merekod fakta sejarah yang telah dianalisis mengikut format kajian yang betul;
- 4.4 mengenali sejarah diri, keluarga, sekolah, persekitaran tempat tinggal dan negara;
- 4.5 mengamal nilai murni dan unsur patriotisme.

#### **5.0 RASIONAL PENILAIAN KERJA KURSUS SEJARAH BERASASKAN ELEMEN, ASPEK DAN KRITERIA PENSKORAN**

Rasional penilaian Kerja Kursus Sejarah ialah untuk:

- 5.1 mengukur konstruk (Pengetahuan, Kemahiran dan Nilai) yang ditanam dalam diri calon;
- 5.2 membolehkan guru membuat penilaian sepanjang kerja kursus dilaksanakan;
- 5.3 membolehkan guru menilai hasil kerja calon pada akhir pelaksanaan kerja kursus.

## 6.0 MAKLUMAT AM

- 6.1 Guru mesti memberitahu calon **arahan melaksanakan kerja kursus**.
- 6.2 Kerja kursus ini **wajib** dilaksanakan oleh semua **calon PMR**.
- 6.3 Kerja kursus hendaklah dilaksanakan oleh calon PMR dari **Februari** hingga **Julai**.
- 6.4 Guru hendaklah merancang dan melaksanakan penilaian kerja kursus ini bagi semua calon mengikut panduan jadual pelaksanaan.(Lampiran 1)
- 6.5 Guru hendaklah memberi taklimat kepada calon mengenai tugas dan perinciannya.
- 6.6 Guru hendaklah membimbing calon dalam **pemilihan tajuk kajian** berdasarkan tugas. Tajuk kajian mestilah berkaitan dengan negara kita **Malaysia**.
- 6.7 Guru hendaklah memaklumkan kepada calon mengenai elemen, aspek dan kriteria penskoran yang terdapat dalam Panduan Pelaksanaan dan Penilaian Kerja Kursus.
- 6.8 Guru mesti memastikan calon melaksanakan **ketiga-tiga elemen** kerja kursus.
- 6.9 Guru hendaklah **membimbing calon** untuk menghasilkan kerja yang terbaik supaya mereka memperoleh tahap pencapaian **cemerlang**.
- 6.10 Penilaian kerja kursus ini merupakan sebahagian daripada proses pengajaran dan pembelajaran yang berterusan.
- 6.11 Guru hendaklah **memaklumkan markah** calon supaya mereka boleh memperbaiki hasil kerja.
- 6.12 Guru hendaklah **memaklumkan** tahap pencapaian calon.
- 6.13 **Borang Markah Calon (BMC/1)** hendaklah diisi untuk merekod pencapaian calon dan disimpan di sekolah.(Lampiran 2)
- 6.14 Guru hendaklah memindahkan maklumat dari **BMC/1** ke borang markah yang diberikan oleh Lembaga Peperiksaan.
- 6.15 **Borang Markah Calon (BMC/2)** hendaklah diisi **sekiranya calon berpindah sekolah** untuk tindakan sekolah baru.(Lampiran 3)

## 7.0 ARAHAN KEPADA CALON

- 7.1 Calon PMR **wajib** melaksanakan Kerja Kursus Sejarah.
- 7.2 Calon PMR dikehendaki merancang dan melaksanakan Kerja Kursus Sejarah dari **Februari** hingga **Julai** berpandukan senarai semak. (Lampiran 4)
- 7.3 Calon hendaklah mendapat bimbingan guru dalam **pemilihan tajuk kajian**. Tajuk kajian mestilah berkaitan dengan negara kita **Malaysia**.
- 7.4 Calon mesti melaksanakan ketiga-tiga elemen untuk mendapat Kod 1, Kod 2 atau Kod 3. Sekiranya calon hanya melaksanakan satu atau dua elemen sahaja, calon hanya layak mendapat Kod 4.
- 7.5 Calon digalakkan menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) untuk mencari dan mengumpul fakta sejarah.
- 7.6 Calon boleh menjalankan kajian secara berkumpulan tetapi hasil kerja mestilah secara **individu**.
- 7.7 Fakta sejarah yang dikumpul untuk Elemen 1 hendaklah didokumentasikan bersama-sama hasil Elemen 2 dan Elemen 3.
- 7.8 Hasil kerja kursus calon mestilah merupakan **hasil usaha sendiri** dan tidak ditiru daripada mana-mana pihak.
- 7.9 Elemen 2 hendaklah dihasilkan dalam bentuk **esei** tidak kurang daripada 15 halaman mengikut format yang ditetapkan.
- 7.10 Hasil kerja kursus hendaklah ditulis tangan, ditaip atau menggunakan komputer. Penulisan menggunakan komputer hendaklah dengan fon ***Times New Roman***, **saiz 12 dengan langkau 2.0**.
- 7.11 Hasil kerja kursus hendaklah menggunakan **kertas saiz A4** sahaja.
- 7.12 Maklumat peribadi calon hendaklah ditulis di halaman hadapan laporan. (Lampiran 5)
- 7.13 **Penilaian proses kerja** calon akan dilakukan **sepanjang masa** kerja kursus dilaksanakan.
- 7.14 **Penilaian dan pemberian markah** dilakukan selepas pelaksanaan setiap elemen.
- 7.15 **Penskoran hasil kerja** calon dilakukan pada bulan **Julai**.

## 8.0 ELEMEN DAN ASPEK YANG DINILAI

Kerja Kursus Sejarah mengandungi tiga elemen iaitu:

### **Elemen 1 Mengumpul fakta sejarah**

- 1.1 Mencari dan mengumpul fakta sejarah daripada sumber yang sahih.

### **Elemen 2 Merekod fakta sejarah**

- 2.1 Mengelas, menganalisis, mentafsir, mensintesis, merumus dan merekod fakta sejarah mengikut format yang ditetapkan.

### **Elemen 3 Penerapan unsur patriotisme**

- 3.1 Berbangga sebagai rakyat Malaysia
- 3.2 Bersemangat setia negara
- 3.3 Bersemangat kekitaan
- 3.4 Berdisiplin
- 3.5 Berusaha dan produktif

## 9.0 SISTEM PENILAIAN

Penilaian kerja kursus berdasarkan sistem Skor Berdasarkan Elemen (SBE).

### 9.1 Definisi

Skor Berdasarkan Elemen (SBE) ialah satu kaedah menyatakan prestasi calon berdasarkan penguasaannya dalam sesuatu elemen yang dinilai. Skor ini menunjukkan **keupayaan calon sendiri** dan tidak boleh dibandingkan dengan calon lain. Guru hendaklah membimbing calon untuk memperoleh tahap pencapaian **cemerlang** bagi setiap elemen.

### 9.2 Pelaporan

9.2.1 Skor bagi SBE meliputi markah, kod dan tahap pencapaian calon.

9.2.2 Jumlah markah bagi **tiga elemen** dikira bagi menentukan kod dan tahap pencapaian calon.

Jumlah Markah	Kod	Tahap Pencapaian
09 – 12	1	Cemerlang
06 – 08	2	Kepujian
03 – 05	3	Memuaskan
01 – 02	4	Mencapai sebahagian tahap penguasaan minimum
0	5	Tidak melaksanakan kerja kursus
–	6	Dikecualikan (Dengan kebenaran LP)

9.2.3 Penentuan kod dan tahap pencapaian calon.

Calon mendapat Kod 1, Kod 2 dan Kod 3 setelah melaksanakan ketiga-tiga elemen. Calon mendapat Kod 4 sekiranya melaksanakan satu atau dua elemen sahaja.

## 9.2.4 Contoh penentuan kod dan tahap pencapaian calon.

Bil	Nama Calon	Angka Giliran	Nombor Kad Pengenalan	Markah Elemen			Jumlah Markah	Kod	Catatan
				E1	E2	E3			
1				4	4	4	<b>12</b>	1	3 elemen
2				4	2	2	<b>8</b>	2	3 elemen
3				1	1	3	<b>5</b>	3	3 elemen
4				0	0	4	<b>4</b>	4	1 elemen sahaja
5				4	4	0	<b>8</b>	4	2 elemen sahaja
6				0	0	0	<b>0</b>	5	Tidak melaksanakan Kerja Kursus
7				-	-	-	<b>-</b>	6	Dikecualikan

### 9.3 Merekod

9.3.1 Guru dikehendaki merekodkan keputusan penilaian Kerja Kursus Sejarah berdasarkan elemen berikut:

Elemen		Markah
Elemen 1	Mengumpul fakta sejarah	
Elemen 2	Merekod fakta sejarah	
Elemen 3	Penerapan unsur patriotisme	
<b>Jumlah Markah</b>		
<b>Kod</b>		
<b>Tahap Pencapaian</b>		

9.3.2 **Borang Markah Calon (BMC/1)** yang telah diisi dengan lengkap hendaklah difailkan dan disimpan di tempat yang selamat bagi rujukan Lembaga Peperiksaan.

9.3.3 Sekiranya calon tidak melaksanakan mana-mana elemen, guru hendaklah mencatatkan **0** di ruangan markah bagi elemen yang tidak dilaksanakan.

9.3.4 Calon mendapat **Kod 4** bagi tahap pencapaian sekiranya melaksanakan satu atau dua daripada mana-mana elemen kerja kursus sahaja.

9.3.5 Sekiranya calon tidak melaksanakan ketiga-tiga elemen, guru hendaklah mencatatkan **0** di ruangan jumlah markah.

9.3.6 Calon mendapat **Kod 5** bagi tahap pencapaian sekiranya tidak melaksanakan kerja kursus.

9.3.7 Guru hendaklah memindahkan maklumat dari **BMC/1** ke borang markah yang diberikan oleh Lembaga Peperiksaan.

## 10.0 PENENTUAN SKOR ELEMEN

Penentuan skor setiap elemen berdasarkan kriteria yang diuraikan di bawah.

### Elemen 1 Mengumpul fakta sejarah

Bil	Elemen	Aspek	Markah	Kriteria Penskoran
1	Mengumpul fakta sejarah	Mengumpul fakta sejarah daripada pelbagai jenis sumber;	4	Mengumpul fakta sejarah daripada <b>empat</b> jenis sumber.  <b>ATAU</b>  Mengumpul fakta sejarah daripada <b>empat</b> orang sumber sekiranya calon mengkaji tajuk yang belum diterbitkan.
		i. Buku ilmiah <ul style="list-style-type: none"> <li>- Nama pengarang</li> <li>- Tahun terbit</li> <li>- Tajuk buku</li> <li>- Tempat terbit</li> <li>- Penerbit</li> </ul>	3	Mengumpul fakta sejarah daripada <b>tiga</b> jenis sumber.  <b>ATAU</b>  Mengumpul fakta sejarah daripada <b>tiga</b> orang sumber sekiranya calon mengkaji tajuk yang belum diterbitkan.
		ii. Jurnal <ul style="list-style-type: none"> <li>- Nama pengarang</li> <li>- Tajuk</li> <li>- Bilangan</li> <li>- Tahun</li> </ul>		
iii. Akhbar <ul style="list-style-type: none"> <li>- Nama akhbar</li> <li>- Tarikh</li> <li>- Halaman</li> </ul>	2	Mengumpul fakta sejarah daripada <b>dua</b> jenis sumber.  <b>ATAU</b>  Mengumpul fakta sejarah daripada <b>dua</b> orang sumber sekiranya calon mengkaji tajuk yang belum diterbitkan.		
iv. Majalah <ul style="list-style-type: none"> <li>- Nama majalah</li> <li>- Tarikh</li> <li>- Halaman</li> </ul>				

Bil	Elemen	Aspek	Markah	Kriteria Penskoran
		v. Orang sumber <ul style="list-style-type: none"> <li>- Nama</li> <li>- Umur</li> <li>- Alamat</li> </ul> vi. Melawat tempat kajian <ul style="list-style-type: none"> <li>- Nama tempat/ bangunan</li> <li>- Alamat</li> </ul> vii. Internet <ul style="list-style-type: none"> <li>- Alamat laman web</li> </ul> viii. Televisyen <ul style="list-style-type: none"> <li>- Tajuk program</li> <li>- Tarikh</li> <li>- Masa</li> <li>- Rangkaian</li> </ul> ix. Radio <ul style="list-style-type: none"> <li>- Tajuk program</li> <li>- Tarikh</li> <li>- Masa</li> <li>- Rangkaian</li> </ul> x. VCD/DVD <ul style="list-style-type: none"> <li>- Tajuk program</li> <li>- Terbitan</li> </ul> xi. Sumber-sumber lain <ul style="list-style-type: none"> <li>- Jenis sumber</li> <li>- Alamat/punca sumber</li> </ul>	1	Mengumpul fakta sejarah daripada <b>satu</b> jenis sumber.  <b>ATAU</b>  Mengumpul fakta sejarah daripada <b>satu</b> orang sumber sekiranya calon mengkaji tajuk yang belum diterbitkan.

## GLOSARI

<b>Buku ilmiah</b>	:	Buku akademik atau buku keilmuan yang ditulis berdasarkan kajian ilmiah.
<b>Fakta sejarah</b>	:	Peristiwa, tempat, tokoh dan tarikh yang dapat dibuktikan kebenarannya.
<b>Orang sumber</b>	:	Orang yang menjadi rujukan untuk mendapat keterangan dan orang yang pernah terlibat secara langsung dalam peristiwa sejarah.
<b>Contoh sumber lain</b>	:	Batu bersurat, wang kertas atau syiling , diari dan surat peribadi.

## CATATAN

Sumber rujukan hendaklah dicatat di ruangan rujukan dan salinan dokumen sumber disertakan sebagai lampiran untuk permarkahan **Elemen 1**.

## Elemen 2 Merekod fakta sejarah

Bil	Elemen	Aspek	Markah	Kriteria Penskoran
2	Merekod fakta sejarah	Mengelas, menganalisis, mentafsir, mensintesis, merumus dan merekod fakta sejarah mengikut format berikut:	4	i. Laporan kajian mengandungi <b>sembilan</b> daripada aspek format termasuk <b>hasil kajian</b> .  ii. Hasil kajian <b>lengkap</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- mengikut tajuk</li> <li>- mengikut urutan yang sesuai</li> </ul>
		i. Tajuk kajian  ii. Senarai kandungan  iii. Penghargaan  iv. Objektif kajian  v. Kaedah kajian <ul style="list-style-type: none"> <li>- Temu ramah</li> <li>- Lawatan dan pemerhatian</li> <li>- Analisis dokumen</li> <li>- Penyelidikan perpustakaan</li> </ul>	3	i. Laporan kajian mengandungi <b>tujuh</b> hingga <b>lapan</b> daripada aspek format termasuk hasil kajian.  ii. Hasil kajian <b>lengkap</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- mengikut tajuk</li> <li>- mengikut urutan yang sesuai</li> </ul>
		vi. Hasil kajian <ul style="list-style-type: none"> <li>- Tajuk</li> <li>- Subtajuk</li> </ul> vii. Rumusan <ul style="list-style-type: none"> <li>- Unsur patriotisme tentang tajuk yang dikaji</li> <li>- Iktibar kepada diri, bangsa dan negara</li> </ul>	2	i. Laporan kajian mengandungi <b>lima</b> hingga <b>enam</b> daripada aspek format termasuk <b>hasil kajian</b> .  ii. Hasil kajian <b>lengkap</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- mengikut tajuk</li> <li>- mengikut urutan yang sesuai</li> </ul>
		viii. Lampiran <ul style="list-style-type: none"> <li>- Gambar</li> <li>- Peta</li> <li>- Dokumen</li> <li>- Sumber rujukan</li> </ul> Tulis kapsyen atau penerangan di bawah gambar/peta/dokumen.  ix. Rujukan (Lampiran 6)	1	i. Laporan kajian mengandungi <b>tiga</b> hingga <b>empat</b> daripada aspek format termasuk <b>hasil kajian</b> .  ii. Hasil kajian <b>lengkap</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- mengikut tajuk</li> <li>- mengikut urutan yang sesuai</li> </ul>

**Elemen 3 Penerapan unsur patriotisme**

<b>Bil</b>	<b>Elemen</b>	<b>Aspek</b>	<b>Markah</b>	<b>Kriteria Penskoran</b>
3	Penerapan unsur patriotisme	Menulis esei yang menunjukkan pengamalan unsur patriotisme. (Lampiran 7)	4	Menulis esei yang mengandungi <b>empat</b> unsur patriotisme.
			3	Menulis esei yang mengandungi <b>tiga</b> unsur patriotisme.
			2	Menulis esei yang mengandungi <b>dua</b> unsur patriotisme.
			1	Menulis esei yang mengandungi <b>satu</b> unsur patriotisme.

**Lampiran 1**  
**PANDUAN JADUAL PELAKSANAAN**

**SEJARAH 21/2**  
**KERJA KURSUS**

**Tindakan sebelum pelaksanaan kerja kursus**

BIL.	PERKARA	TARIKH	TINDAKAN
1	Edaran tugas kerja kursus dari LP.	Februari	Lembaga Peperiksaan (LP)
2	Taklimat kerja kursus kepada guru-guru sejarah di sekolah.		Ketua Panitia Sejarah
3	Taklimat kepada calon PMR.		Guru Sejarah
4	Membimbing calon PMR memilih tajuk kajian.		

**Tindakan semasa pelaksanaan kerja kursus**

BIL.	PERKARA	TARIKH	TINDAKAN	
1	Guru menyemak dan membimbing calon mengumpul fakta sejarah mengikut format yang ditetapkan bagi Elemen 1.	Februari	Calon PMR Guru Sejarah	
2	Guru menyemak dan memberi markah mengikut format yang ditetapkan bagi Elemen 1.	Mac		
3	Guru menyemak dan membimbing calon merekod fakta sejarah mengikut format yang ditetapkan bagi Elemen 2.	April – Jun		
4	Guru menyemak hasil kerja calon dan memberi markah mengikut format yang ditetapkan bagi Elemen 2.			
5	Guru menyemak dan membimbing penulisan esei penerapan unsur patriotisme mengikut format yang ditetapkan bagi Elemen 3.	Julai		
6	Guru menyemak hasil kerja calon dan memberi markah mengikut format yang ditetapkan bagi Elemen 3.			
7	Pemantauan pelaksanaan kerja kursus oleh pegawai LP.	April – Julai		Pegawai LP
8	Guru mengisi markah calon PMR dalam Borang Markah Calon (BMC/1).	Julai		Guru Sejarah
9	Memindahkan maklumat dari BMC/1 ke borang markah yang diberikan oleh Lembaga Peperiksaan.	Julai – Ogos		Guru Sejarah dan Setiausaha Peperiksaan Sekolah



**LEMBAGA PEPERIKSAAN  
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA**

**BORANG MARKAH CALON 1  
SEJARAH 21/2  
KERJA KURSUS**

Nama Sekolah : .....

.....

Alamat Sekolah : .....

Nombor Pusat Peperiksaan : .....

Nombor Telefon : .....

Nombor Faks : .....

Bilangan Calon : .....

Bil	Nama Calon	Angka Giliran	Nombor Kad Pengenalan	Markah Elemen			Jumlah Markah	Kod	Tahap Pencapaian
				E1	E2	E3			
1									
2									
3									
4									
5									
6									
7									



**LEMBAGA PEPERIKSAAN  
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA**

**BORANG MARKAH CALON 2  
SEJARAH 21/2  
KERJA KURSUS**

Nama Calon : .....

Nombor Kad Pengenalan : .....

Angka Giliran : .....

Nama dan Alamat Sekolah : .....

Tajuk Kerja Kursus : .....

<b>Elemen</b>	<b>Markah</b>
Elemen 1 Mengumpul fakta sejarah	
Elemen 2 Merekod fakta sejarah	
Elemen 3 Penerapan unsur patriotisme	
<b>Jumlah Markah</b>	
<b>Kod</b>	
<b>Tahap Pencapaian</b>	

.....  
( Tandatangani Guru )

.....  
( Tandatangani dan Cap Pengetua )

**Elemen 1    Mengumpul fakta sejarah**

<b>Bil</b>	<b>Perkara</b>	<b>Tarikh</b>	<b>Catatan</b>
1	Menerima taklimat kerja kursus daripada guru sejarah.	Februari	
2	Mendapatkan bimbingan guru dan memilih tajuk kajian.	Februari	
3	Mencari dan mengumpul fakta sejarah daripada sumber yang sahih.	Februari	
4	Menyediakan halaman hadapan Elemen 1. (Lampiran 8)	Mac	
5	Mendokumentasikan fakta sejarah yang dikumpul daripada pelbagai sumber.	Mac	
6	Menghantar fakta sejarah yang dikumpul daripada pelbagai sumber untuk semakan guru penilai.	Mac	
7	Memperbaiki fakta sejarah yang dikumpul daripada pelbagai sumber bagi memperoleh markah terbaik.	Mac	
8	Menghantar semula fakta sejarah yang dikumpul daripada pelbagai sumber kepada guru penilai untuk disemak dan diberi markah.	Mac	

**Elemen 2 Merekod fakta sejarah**

<b>Bil</b>	<b>Perkara</b>	<b>Tarikh</b>	<b>Catatan</b>
1	Mendapatkan bimbingan guru untuk menulis laporan dapatan kajian mengikut format yang ditetapkan.	April	
2	Mengelas, menganalisis, mentafsir, mensintesis, merumus dan merekod fakta sejarah.	April	
3	Menyediakan halaman hadapan Elemen 2. (Lampiran 9)	April	
4	Menulis laporan kajian mengikut format yang ditetapkan: <ul style="list-style-type: none"> <li>- Tajuk kajian</li> <li>- Senarai kandungan</li> <li>- Penghargaan</li> <li>- Objektif kajian</li> <li>- Kaedah kajian</li> <li>- Rumusan</li> <li>- Lampiran</li> <li>- Rujukan</li> </ul>	April – Jun	
5	Menghantar laporan kajian untuk semakan guru penilai.	Mei – Jun	
6	Memperbaiki hasil laporan kajian bagi memperoleh markah terbaik.	Mei – Jun	
7	Menghantar semula hasil laporan kajian kepada guru penilai untuk disemak dan diberi markah serta tahap pencapaian.	Mei – Jun	

**Elemen 3 Penerapan unsur patriotisme**

<b>Bil</b>	<b>Perkara</b>	<b>Tarikh</b>	<b>Catatan</b>
1	Mendapatkan bimbingan guru untuk menulis esei mengikut format yang ditetapkan.	Feb. – Julai	
2	Menulis esei mengikut format yang ditetapkan.	Feb. – Julai	
3	Menyediakan halaman hadapan Elemen 3. (Lampiran 10)	Feb. – Julai	
4	Menghantar esei untuk semakan guru penilai.	Feb. – Julai	
5	Memperbaiki esei bagi memperoleh markah terbaik.	Feb. – Julai	
6	Menghantar semula esei kepada guru penilai untuk disemak dan diberi markah.	Feb. – Julai	

**Pendokumentasian Hasil Kerja Kursus**

<b>Bil</b>	<b>Perkara</b>	<b>Tarikh</b>	<b>Catatan</b>
1	Menyediakan halaman hadapan kerja kursus. (Lampiran 5)	Jun – Julai	
2	Menggabungkan hasil kerja Elemen 1, Elemen 2 dan Elemen 3 untuk dihantar kepada guru penilai.	Jun – Julai	
3	Menghantar hasil kerja kursus kepada guru penilai untuk mendapat jumlah markah, kod dan tahap pencapaian.	Jun – Julai	

**Lampiran 5**  
**HALAMAN HADAPAN KERJA KURSUS**

**SEJARAH 21/2**  
**KERJA KURSUS**

Nama Calon : .....

Tingkatan : .....

Nombor Kad Pengenalan : .....

Angka Giliran : .....

Nama dan Alamat Sekolah : .....

Tajuk Kerja Kursus : .....

Nama Guru : .....

Skor:-

<b>Elemen</b>	<b>Markah</b>
Elemen 1 Mengumpul fakta sejarah	
Elemen 2 Merekod fakta sejarah	
Elemen 3 Penerapan unsur patriotisme	
<b>Jumlah Markah</b>	
<b>Kod</b>	
<b>Tahap Pencapaian</b>	

.....  
( Tandatangan Guru )

**Buku Ilmiah**

Masariah Mispari, Johara Abdul Wahab, Ridzuan Hasan, 2003. *Sejarah Tingkatan 2*. Kuala Lumpur:DBP.

Lofti Ismail, 1988. *Sejarah Malaysia 1400-1963*. Kuala Lumpur:Utusan Publications and Distributors Sdn.Bhd.

Mohamad Noordin Sopiee, 1967. *From Malayan Union to Singapore Separation: Political Unification in the Malaysia Region 1945-1965*. Kuala Lumpur:Universiti Malaya Press.

**Jurnal**

Ahmad Masjidin. "Malayan Union Dalam Ruangan Akhbar Warta Negara" dalam *Jurnal Malaysia dari Segi Sejarah*. Bil 8, April 1979.

Ishak bin Tadin, 1960. "Dato' Onn and Malay Nationalism 1946-1951", dalam *JSEAH*. Vol 1. Mac 1960.

**Akhbar**

Utusan Malaysia, 17 Jun 1992, halaman 5.

**Orang Sumber**

Encik Ismail bin Mohd Kassim, 43 tahun, No 21, Jalan Lundu 7, Taman Beringin 52000 Kuala Lumpur.

Puan Hamidah binti Daudshah, 57 tahun, No 7, Jalan SG 1/ 30, Taman Sri Gombak, 68100 Selangor.

**Melawat Tempat Kajian**

Pejabat Pelancongan Malaysia, Tingkat 17, Menara Dato' Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra, 45 Jalan Tun Ismail, 50480 Kuala Lumpur.

Arkib Negara Malaysia, Jalan Duta, 50568 Kuala Lumpur.

Tapak Ekskavasi Tingkayu, Kunak, Sabah.

Tapak Ekskavasi Gua Niah, Niah, Miri, Sarawak.

**Internet**

Malayan Union, <http://geocities.com/kamashara/unionsm.htm>

Kemerdekaan, <http://cikgu.net/edisimerdeka/sejarah.php3.htm>

Tunku Abdul Rahman, <http://www.geocities.com/tokoh agung/TokohPMTunkuAbdul Rahman.htm>

Fokus **utama** kurikulum Sejarah bertujuan menanam semangat patriotik yang memupuk nilai-nilai murni dalam kalangan murid bagi melahirkan warganegara yang:

**1 Berbangga Sebagai Rakyat Malaysia**

- menghormati raja dan pemimpin negara
- menghargai jasa dan perjuangan tokoh-tokoh negara
- menghormati lambang-lambang negara (seperti bendera, lagu kebangsaan, dan jata negara)
- menjaga dan mempertahankan maruah bangsa dan negara
- menghargai dan mengamalkan tradisi dan budaya bangsa
- berbangga dengan sejarah negara

**2 Bersemangat Setia Negara**

- cinta akan bangsa dan negara
- taat dan setia kepada raja dan pemimpin negara
- sedia berkorban untuk bangsa dan negara
- bertanggungjawab kepada bangsa dan negara
- berani dan sanggup mempertahankan kedaulatan bangsa dan negara
- peka kepada masalah dan isu tentang bangsa dan negara
- bersyukur sebagai warganegara Malaysia

**3 Bersemangat Kekitaan**

- bersatu padu dan berharmoni
- bertolak ansur dan bertoleransi
- bekerjasama dan tolong-menolong
- hormat-menghormati
- bersefahaman dan bermuafakat
- muhibah atau semangat bermasyarakat

**4 Berdisiplin**

- berakhlak dan berbudi pekerti mulia
- mempertahankan dan menjunjung Perlembagaan Negara
- mematuhi peraturan dan undang-undang
- berkelakuan sopan, bertatasusila dan berhemah tinggi
- bertindak wajar
- bersifat amanah dan jujur
- berlaku adil dan bertimbang rasa

**5 Berusaha dan Produktif**

- rajin dan gigih
- berdikari
- tabah menghadapi cabaran
- menyokong dan melibatkan diri dalam usaha pembangunan
- berganding bahu membangunkan negara
- berilmu dan berketrampilan

**ELEMEN 1**

Tajuk .....

.....

.....

**Senarai Semak**

<b>Bil.</b>	<b>Sumber</b>	<b>Tandakan ( / )</b>
i	Buku ilmiah	
ii	Jurnal	
iii	Akhbar	
iv	Majalah	
v	Orang sumber	
vi	Melawat tempat kajian	
vii	Internet	
viii	Televisyen	
ix	Radio	
x	VCD/DVD	
xi	Sumber lain	
	<b>Markah</b>	

.....  
( Tandatangani Guru )

**ELEMEN 2**

Tajuk : .....

.....

.....

**Senarai Semak**

<b>Bil.</b>	<b>Perkara</b>	<b>Tandakan ( / )</b>
i	Tajuk kajian	
ii	Senarai kandungan	
iii	Penghargaan	
iv	Objektif kajian	
v	Kaedah kajian	
vi	Hasil kajian	
vii	Rumusan	
viii	Lampiran	
ix	Rujukan	
	<b>Markah</b>	

.....  
( Tandatangani Guru )

**ELEMEN 3**

Tajuk : .....

.....

.....

**Senarai Semak**

<b>Unsur Patriotisme</b>	<b>Tandakan ( / )</b>
1	
2	
3	
4	
5	
<b>Markah</b>	

.....  
( Tandatangan Guru )